



## Peranan Hubungan Muslim dan Non-Muslim Terhadap Kemakmuran dan Keharmonian Sejahtera: Suatu Kajian dari Perspektif al-Sunnah

Mohd Muhiden Abd Rahman<sup>1</sup>  
Mohd Bakhit Haji Ali<sup>2</sup>  
Muhd Sufillah Mohd Soyong<sup>3</sup>

### ABSTRAK

*Islam adalah sebuah agama universal yang ditujukan kepada seluruh umat manusia secara keseluruhan. Inti ajarannya selain daripada menegak keadilan dan menghapus kezaliman juga menyeru umat manusia ke arah kemakmuran dan keharmonian tanpa mengira bangsa, warna kulit, bahasa dan budaya. Ini kerana manusia pada asalnya adalah berasal dari bangsa yang satu dan agama yang satu, iaitu daripada anak Adam dan daripada agama Islam. Kemudian umat manusia berpecah kepada pelbagai bangsa, bahasa dan agama. Krisis identiti dan hilangnya semangat persaudaraan dan kesatuan umat yang menjadi dasar kehidupan Islam sejak dahulu adalah krisis dan cabaran yang paling besar dihadapi umat manusia hari ini. Ia menjadi punca kepada berlakunya perselisihan, pertelingkahan yang membawa kepada perpecahan ummah. Kertas ini akan melihat hubungan Muslim dan non Muslim serta peranannya dalam mewujudkan kemakmuran dan keharmonian sejahtera dari perspektif al-Sunnah. Dengan menggunakan pendekatan kualitatif, beberapa sumber premier dari kitab-kitab hadis dan sirah nabawiah akan dijadikan rujukan dan panduan bagi memperoleh data-data berkaitan. Beberapa metode lain juga akan digunakan bagi menganalisa data. Antaranya metod istiqrā' dan istinbat yang akan digunakan bagi menganalisa beberapa sampel daripada hadis dan sirah nabawiah bertujuan membuktikan betapa signifikan hubungan Muslim dan Non Muslim dan seharusnya menjadi agenda utama ummah. Dengan mengambil contoh beberapa peristiwa besar dalam sirah nabawiyyah yang mampu menjadi indikasi terhadap signifikan hubungan dua hala ini. Hasil dapatan kajian melalui beberapa sample seperti peristiwa penglibatan Rasulullah SAW dalam Piagam Madinah, Sulh al-Hudaibiyah dan Fath Makkah menunjukkan bahawa Rasulullah SAW diutuskan untuk menyatukan umat manusia sejahtera dan Islam ialah agama kesatuan dan perpaduan.*

Kata kunci: Kemakmuran, Keharmonian, Muslim-Non-Muslim, al-Sunnah.

<sup>1</sup> Mohd Muhiden Abd Rahman, PhD, Prof Madya di Akademi Islam Universiti Malaya, Nilam Puri  
<sup>2</sup> Mohd Bakhit Haji Ali, PhD, Pensyarah Kanan di Akademi Islam Universiti Malaya, Nilam Puri  
<sup>3</sup> Muhd Sufillah Mohd Soyong, BA, Guru Bahasa Arab di Akademi Islam Universiti Malaya, Nilam Puri

## PENDAHULUAN

Islam adalah sebuah agama universal yang ajarannya ditujukan bagi umat manusia secara keseluruhan. Inti ajarannya selain memerintahkan penegakan keadilan dan menghapus kezaliman, juga menggariskan prinsip-prinsip perdamaian dan keharmonian yang diiringi dengan himbauan kepada umat manusia agar hidup dalam suasana persaudaraan dan toleransi tanpa memandang perbedaan ras, suku, bangsa dan agama. Ini kerana manusia pada asalnya berasal daripada asal yang sama. Firman Allah SWT:

وَاذْكُرْ لِلَّذِينَ هُمْ عَنْ آلِهَتِهِمْ كَبَّرُوا أَنَّ هُمْ عِنْدَ رَبِّكَ ذُرِّيَّةٌ مُّحَدَّمَةٌ

Terjemahan: *“Wahai sekalian manusia ! Bertakwalah kamu kepada Tuhan kamu yang telah menciptakan kamu dari diri yang satu”*

(al-Nisa` :1)

FirmanNya lagi:

وَلَقَدْ أَرْسَلْنَا نُوحًا وَإِبْرَاهِيمَ وَإِسْمَاعِيلَ وَإِسْحَاقَ وَيُوسُفَ وَمُوسَىٰ وَهَارُونَ أَن قَدْ آتَيْنَاكَ الْكِتَابَ فَذَكِّرْ بِالْآيَاتِ لَعَلَّكُمْ تَعْقِلُونَ

وَلَقَدْ آتَيْنَا دَاوُدَ وَسُلَيْمَانَ إِسْرَائِيلَ وَالْحُكْمَ وَمَا يُغْنِي عَنْهُمْ كَثْرَتُهُمْ وَلَهُمُ الْبَالُغُونَ

وَلَقَدْ آتَيْنَا هُودًا إِسْرَائِيلَ وَالْحُكْمَ وَمَا يُغْنِي عَنْهُمْ كَثْرَتُهُمْ وَلَهُمُ الْبَالُغُونَ

وَلَقَدْ آتَيْنَا عِيسَىٰ الْإِنْجِيلَ وَجَعَلْنَا لِقَوْمِهِ الْيَسْرَةَ وَالْهُدَىٰ وَجَعَلْنَا لِيُوسُفَ الْحُكْمَ وَجَعَلْنَا لِدَاوُدَ الْحُكْمَ وَجَعَلْنَا لِسُلَيْمَانَ الْحُكْمَ وَجَعَلْنَا لِدَاوُدَ الْحُكْمَ وَجَعَلْنَا لِسُلَيْمَانَ الْحُكْمَ

Terjemahan: *“Manusia dahulu adalah satu umat, (setelah timbul perselisihan), maka Allah SWT mengutus para Nabi sebagai pemberi khabar gembira dan khabar menakutkan. Dan Allah SWT menurunkan bersama mereka al-Kitab yang benar untuk membuat keputusan di antara manusia tentang perkara yang mereka perselisihkan. Dan tidaklah berselisih kecuali mereka yang didatangkan al-Kitab, iaitu setelah datang kepada mereka keterangan-keterangan yang nyata kerana sifat dengki sesame mereka. Lalu Allah SWT memberi petunjuk kepada orang-orang yang beriman kepada kebenaran terhadap apa yang mereka perselisihkan dengan izinNya. Dan Allah SWT senantiasa memberi petunjuk kepada sesiapa sahaja yang dikehendakiNya kepada jalan yang lurus”*

(al-Baqarah: 213)

Melalui ajaran Islam dan prinsip kesatuan tadi, Islam mendorong para pengikutnya agar bersikap toleransi dengan pengikut agama lain dan bersikap terbuka dan positif terhadap budaya masing-masing, kerana Allah SWT telah menjadikan manusia sebagai khalifah yang mempunyai tanggung jawab secara kolektif untuk membangun dan mengurus bumi ini, baik secara moral maupun material. Firman Allah SWT:

وَمَا جَعَلْنَا لِبَشَرٍ مِنْكُمْ مِنْ ذُرِّيَّتِهِ الْمَالَةَ وَأَمْوَئِهِمْ كَثْرَتاً وَلَا قَلْباً وَلَا عِزًّا إِلَّا لِمَنْ أَعْرَضَ عَن ذِكْرِي فَإِنَّ لَهُ لَعَذَابًا عَظِيمًا

Terjemahan: *“Dia (Allah) yang telah menciptakan kamu dari bumi dan memberi kamu potensi untuk memakmurkan, mengembangkan dan memanfaatkan kekayaannya”*

(Hud : 61)

Prinsip hubungan Muslim dengan non-muslim sebagaimana yang dijelaskan oleh Allah SWT dalam al-Quran dan melalui utusanNya Nabi Muhammad SAW, dimana harus terjalin atas dasar persamaan, toleransi, keadilan sosial, kemerdekaan, dan nilai kemanusiaan sejagat. Atas dasar dan nilai-nilai luhur inilah Islam menjadikan sebagai landasan utama bagi membentuk hubungan kemanusiaan yang berlatar belakang perbedaan ras, suku bangsa, agama, bahasa dan budaya.

## PENGERTIAN NON-MUSLIM

Pengertian non-Muslim secara umum adalah orang yang tidak menganut agama Islam. Ia bermaksud tidak khusus kepada suatu kelompok agama sahaja, sebaliknya ia mencakup semua agama dengan segala bentuk kepercayaan dan budayanya. Al-Qur`an menyebutkan kelompok non- Muslim ini secara umum seperti firman Allah SWT;

وَالَّذِينَ آمَنُوا بِاللَّهِ وَرَسُولِهِ آلَ يَهُودَآءَ وَالنَّصَارَىٰ وَالنَّجَارَىٰ وَلِلَّهِ السُّلْطٰنُ يَوْمَ الْقِيٰمَةِ ۗ إِنَّ اللَّهَ عَلِيْمٌۢ بِذٰلِكَ الّٰلِ يَوْمَ الْقِيٰمَةِ

Terjemahan: “*Sesungguhnya orang-orang yang beriman, orang-orang Yahudi, orang-orang Sabi`in, orang-orang Nasrani, orang-orang Majusi dan orang-orang musyrik, Allah akan memberi keputusan di antara mereka pada hari kiamat! Sesungguhnya Allah Maha menyaksikan segala sesuatu*”

(Surah al-Hajj: 17)

Dalam ayat ini terdapat empat kelompok yang dikategorikan oleh Allah SWT sebagai non muslim, iaitu as-Sabi`in, al-Majusi, al-Musyrikun, Yahudi dan Nasara atau ahli Kitab. Pertama *al-Sabi`in*, iaitu kelompok yang mempercayai kuasa alam planet terhadap alam semesta. Kedua *al-Majusi*, iaitu penyembah api yang mempercayai bahawa alam ini dikuasai oleh dua sosok tuhan, iaitu tuhan cahaya dan tuhan gelap yang masing-masingnya bergerak kepada yang baik dan yang jahat, yang bahagia dan yang celaka dan seterusnya. Ketiga *al-Musyrikun*, golongan yang mengakui ketuhanan Allah SWT, tetapi dalam ritual mempersekutukannya dengan yang lain seperti penyembahan berhala, matahari, malaikat dan sebagainya. Keempat ialah kelompok Yahudi dan Nasrani atau Ahli Kitab. Terdapat dua pendapat ulama mengenai ahli Kitab. Pertama, mazhab Hanafi berpendapat bahawa ahli Kitab adalah orang yang menganut salah satu agama samawi yang mempunyai kitab suci seperti Taurat, Injil, Zabur, Suhuf, dan lainnya. Manakala Imam al-Syafi`i dan Hanbali pula berpandangan bahawa ahli Kitab terbatas pada kaum Yahudi dan Nasrani. Kelompok non muslim ini disebut juga sebagai ahli Zimmah, iaitu masyarakat Yahudi dan Nasrani yang tunduk dan mendapat perlindungan kepada pemerintah Islam. Satu lagi kelompok yang boleh juga dikategorikan sebagai non Muslim ialah yang dinamakan *al-Dahriyyun*. Kelompok ini selain tidak mengakui bahawa dalam alam semesta ini ada yang mengaturnya, juga menolak adanya tuhan pencipta. Menurut mereka alam ini terjadi dengan sendirinya dan kelompok ini mempunyai persamaan dengan kaum atheis masa kini yang juga menafikan adanya tuhan yang mencipta dan mengatur ala mini. Oleh itu mana-mana kelompok yang menganut agama selain dari agama Islam atau kelompok yang tidak beragama boleh dikategorikan dalam mana-mana kelompok di atas, tetapi kesemuanya dinamakan sebagai non muslim.<sup>4</sup>

<sup>4</sup> Lihat <https://www.academia.edu/9495636/> Dr. Masri Elmahsyar Bidin dalam “Prinsip Hubungan Muslim Dan Non Muslim Dalam Pandangan Islam, h. 3.

## PERANAN HUBUNGAN MUSLIM DAN NON-MUSLIM TERHADAP KEMAKMURAN DAN KEMAKMURAN SEJAGAT DARI PERSPEKTIF AL-SUNNAH

Melalui surah al-Nisa` ayat 1 dan Surah al-Baqarah ayat 213 bahawa manusia adalah berasal dari jiwa dan bangsa yang satu sekaligus menetapkan dasar kemanusiaan sebagai asas persaudaraan yang mendasari hubungan antara kelompok manusia melintasi sempadan multiagama, multibudaya dan multi bangsa. Ia menunjukkan bahawa Islam menganggap perbezaan ras, suku, budaya dan agama termasuk Bahasa sebagai suatu tabiat alam dan ketentuan ilahi. Justeru itu, perbezaan tadi tidak boleh dijadikan sebagai indikasi kemuliaan dan harga diri. Sebaliknya Islam meletakkan asas ketaqwaan sebagai indikasi, kepada kemuliaan seseorang. Firman Allah SWT dalam surah al-Hujurat ayat 13:

﴿يَا أَيُّهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُمْ مِنْ ذَكَرٍ وَأُنْثَىٰ وَجَعَلْنَاكُمْ شُعُوبًا وَقَبَائِلَ لِتَعَارَفُوا إِنَّ أَكْرَبَ بِالنَّاسِ إِلَهُكُمْ اللَّهُ﴾

﴿يَا أَيُّهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُمْ مِنْ ذَكَرٍ وَأُنْثَىٰ وَجَعَلْنَاكُمْ شُعُوبًا وَقَبَائِلَ لِتَعَارَفُوا إِنَّ أَكْرَبَ بِالنَّاسِ إِلَهُكُمْ اللَّهُ﴾

Terjemahan: “Wahai umat Manusia ! Sesungguhnya Kami mencipta kamu daripada lelaki dan wanita dan Kami jadikan kamu berbasai bangsa dan bersuku puak, supaya kamu berkenal-kenalan (antara satu sama alin). Sesungguhnya semulia kamu adalah yang paling bertaqwa daripada kamu. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui dan Maha Mendalam Pengetahuannya”

(Surah al-Hujurat : 13)

Persamaan adalah prinsip mutlak dalam Islam dalam membina hubungan sesama manusia tanpa ada perbezaan antara satu sama lain. Banyak hadis-hadis Rasulullah SAW yang menerangkan hak-hak persamaan berdasarkan prinsip kemanusiaan. Antaranya sabda Nabi SAW:

يَا أَيُّهَا النَّاسُ أَلِ إِنَّ رَبَّكُمْ وَاحِدٌ وَإِنَّ أُمَّكُمْ وَاحِدَةٌ وَأَلٌ لَّ فَضْلٌ لِّعَرَبِيٍّ عَلَّيَّ أَعْرَبِيٍّ وَعَلَّ لِحَبَشِيٍّ عَلَّيَّ أَحْرَبِيٍّ وَعَلَّ لِعَرَبِيٍّ عَلَّيَّ أَحْرَبِيٍّ وَعَلَّ لِحَبَشِيٍّ عَلَّيَّ أَحْبَشِيٍّ وَعَلَّ لِعَرَبِيٍّ عَلَّيَّ أَحْرَبِيٍّ وَعَلَّ لِحَبَشِيٍّ عَلَّيَّ أَحْبَشِيٍّ

Maksud: “Wahai Manusia ! Sesungguhnya Tuhan Kamu adalah satu dan bapa kamu adalah satu dan sesungguhnya tidak ada kelebihan bangsa Arab ke atas bangsa ‘Ajam (non Arab), sebagaimana tidak kelebihan bangsa ‘Ajam ke atas bangsa Arab dan tidak ada kelebihan orang berkulit merah ke atas orang berkulit hitam sebagaimana tidak kelebihan orang berkulit hitam ke atas orang berkulit merah kecuali dengan taqwa”<sup>5</sup>

(Riwayat Ahmad)

Persamaan dan keadilan yang diajarkan Islam selain melindungi hak setiap orang, juga menolak sikap diskriminasi atau pilih kasih. Dengan menghormati prinsip yang mulia ini, diyakini bahawa perbezaan ras, suku dan agama atau kepelbagaian bangsa tidak boleh menjadi alasan berlakunya sebarang konflik termasuk konflik perkaumanan yang mendorong kepada tindakan kekerasan dan kezaliman, sebaliknya ia hendaklah menjadi objektif ke arah persaudaraan dan kesatuan seterusnya menjadi asbab dan platform kepada wujudnya keharmonian dan kemakmuran sesebuah negara.

<sup>5</sup> Ahmad bin Hanbal, *Musnad Ahmad*. Kaherah (Dar al-Hadith, t.t) no hadith 22978. Hadith ini dinilai sahih oleh al-Albani dan al-Arna`ut.

Nilai-nilai Rabbani ini, iaitu keadilan dan kesaksamaan boleh dikategorikan sebagai prinsip dasar yang wajib menjadi pedoman bagi setiap tindakan dan kegiatan yang berkaitan dengan hubungan antara kelompok yang berbeza agama dalam masyarakat Islam. Implementasi konstitusi tadi telah terbukti secara realiti melalui perjanjian dan dokumen jaminan yang diasaskan oleh Rasulullah SAW dan para Khalifahnya kepada kelompok non-muslim seperti 'Sahifah Madinah' atau 'Piagam Madinah', *Sulh al-Hudaibiyah*, *Fath Makkah* dan surat-surat Rasulullah SAW kepada pemerintah dan kerajaan di sekitarnya. Dalam kajian ini sebanyak tiga peristiwa besar yang berlaku dalam sejarah Islam khususnya selepas Hijrah Rasulullah SAW akan dijadikan sebagai sample kajian bagi mengindikasikan peranan hubungan Muslim dan Non-Muslim dalam mewujudkan kemakmuran dan keharmonian sesebuah negara. Tiga peristiwa besar tersebut, ialah '*Sahifah Madinah*, *Sulhul Hudaibiyah* dan *Fathu Makkah*.

### 1. *Sahifah Madinah*

*Sahifah Madinah* merupakan perkara asas ketiga dan yang terpenting yang dilakukan oleh Rasulullah SAW bagi menentukan nilai perlembagaan negara baru Madinah selepas pembinaan institusi masjid dan persaudaraan antara kaum muhajirin dan ansar. Setelah hampir keseluruhan penduduk Madinah dari keturunan Arab telah memeluk Islam kecuali beberapa orang dari kabilah 'Aus dan juga orang Yahudi, maka Rasulullah SAW berusaha menggubal sebuah carta perjanjian yang dimeteri antarasa sesama Islam dan antara muslim dan non-muslim termasuk orang Yahudi yang diakui kebebasan beragama dan pemilikan harta dengan syarat-syarat tertentu. Melalui *Sahifah Madinah* ini, secara jelas Rasulullah SAW telah mengasaskan satu prinsip dan dasar sosial yang baru, dimana semua mereka yang hidup di kota Madinah dan sekitarnya dianggap sebagai satu masyarakat dan satu bangsa. Kelompok non muslim yang terdiri dari Yahudi dan beberapa kelompok lain mendapat perlindungan terhadap agama dan harta kekayaan mereka selama mana mereka menunjuk kesetiaan dan kepatuhan terhadap perjanjian termeteri. Antara resolusi asas '*Sahifah al-Madinah*' yang boleh mengindikasikan kebebasan beragama dan keadilan sosial, ialah;<sup>6</sup>

- i. Seluruh penduduk Madinah tanpa mengira bangsa, agama, budaya dan kedudukan adalah satu bangsa yang melambangkan kesatuan sosial atas dasar persamaan hak dan kebertanggungjawaban.
- ii. Kaum muslimin dari golongan Qurasyh dan Yathrib serta orang-orang yang mengikuti mereka menggabungkan diri dan berjuang bersama mereka, sesungguhnya mereka adalah satu umat dan bebas dari pengaruh manusia lain.
- iii. Kaum Yahudi dari Bani Auf adalah satu bangsa bersama-sama kaum mukmin. Masing-masing bebas memeluk agama dan melaksanakan ritual masing-masing serta diberi perlindungan.
- iv. Mereka dijamin tidak akan dipaksa masuk agama Islam dan bebas berkunjung ke mana saja dalam wilayah negara. Malah siapa yang keluar dari Madinah adalah selamat dan sesiapa yang tinggal di Madinah juga adalah selamat kecuali orang yang zalim dan bersalah.
- v. Penglibatan seluruh masyarakat dalam penetapan hubungan dengan musuh-musuh negara termasuk usaha menghadapi penentang pemerintah dan menolak sebarang bentuk kerjasama dengan mereka.

---

<sup>6</sup> Lihat Muhammad Ramadan al-Buti, *Fiqh al-Sirah*, Dar al-Fikr (t.p, 1990) h. 203-209. Lihat juga Muhammad Ramadan al-Buti, *Fiqh al-Sirah 2*, terj. Mohd Darus Sanawi. Dewan Pustaka Fajar (Selangor Darul Ehsan, 1990) h. 286-288 & 295-307.

Sesungguhnya beberapa resolusi Piagam Madinah ini telah membuktikan sejauhmana keadilan sejagat yang diperjuangkan oleh Islam yang merentasi sempadan bangsa, agama dan budaya. Usaha-usaha menuju keadilan dan kesaksamaan bersama Islam ini sudah pasti akan mencapai kejayaan jika tidak ada halangan dari niat buruk dan perangai jahat kaum Yahudi Madinah. Namun gangguan dan halangan tersebut berjaya di atasi dengan terhalau keluarnya kaum Yahudi dari bumi Madinah yang mengkhianati perjanjian tersebut. Hasilnya melalui pelaksanaan asas ketiga dari ‘Piagam Madinah’ yang memfokuskan kepada hubungan dua hala antara muslim sesama muslim dan antara muslim dan non-Muslim, dapat lihat berkembangnya sebuah negara Islam ke merata jagat, timur dan barat sambil menyumbang kepada tamaddun dan kemakmuran serta keharmonian negara dan bangsa.

## 2. *Sulh al-Hudaibiyah*

Peristiwa *Sulhul Hudaibiyah* adalah sebuah perjanjian antara kaum Muslimin dan kuffar Quraisy yang terjadi pada tahun ke-6 Hijrah pada bulan Zulkaedah. Peristiwa ini bermula apabila Rasûlullâh SAW ingin melaksanakan umrah pada tahun tersebut, meskipun baginda mengetahui bahawa Quraisy Mekah tidak akan membenarkan baginda dan para sahabat memasuki kota Mekah dengan mudah. Malah besar kemungkinan akan tercetus peperangan antara kaum muslimin dan Quraisy sekalipun Nabi SAW langsung tidak mempunyai niat untuk berperang, ini kerana kuffar Quraisy adalah musuh terbesar kaum Muslimin ketika itu. Kemungkinan inilah yang mendorong Rasûlullâh SAW untuk keluar dengan jumlah yang lebih besar yang dikatakan angkanya mencecah seribu empat ratus orang.<sup>7</sup>

Sesungguhnya apa yang dijangka oleh Rasulullah SAW dan para sahabat benar-benar berlaku, di mana baginda dihalang dari memasuki kota Mekah sekalipun beberapa rundingan telah dilakukan. Quraisy Mekah tetap bertegas menghalang kaum muslimin dari memasuki kota Mekah sehinggalah berlakunya Sulhul Hudaibiyah atau ‘Perdamaian Hudaibiyah’ antara kaum muslimin dan Quraisy Mekah. Dari awal perjanjian lagi sudah menampakkan bahawa Rasulullah SAW seolah-olah tunduk kepada kuffar Quraisy. Maka tidak hairanlah kaum muslimin ketika itu terkejut dan hairan dengan tindakan Rasulullah SAW yang luar biasa itu sehinggalah beberapa orang sahabat seperti Sayidina Ali bin Abi Talib RA dan Umar bin al-Khattab RA melahirkan sikap protes dan perasaan tidak puas hati terhadap perjanjian tersebut yang dianggapnya sebagai berat sebelah. Antara resolusi perjanjian tersebut adalah:

- i. Kedua-dua pihak kaum Muslimin dan Quraisy Makkah hendaklah mengadakan gencatan senjata dalam tempoh sepuluh tahun.
- ii. Dalam tempoh sepuluh tahun juga tidak dibenarkan mencuri, menceroboh, memungkirkan dan mengkhianati janji.
- iii. Jika ada orang Quraisy yang datang ke Madinah termasuk yang sudah memeluk Islam hendaklah dihantar pulang kepada Quraisy Makkah.
- iv. Jika ada orang Islam Madinah yang datang ke Makkah, maka tidak wajib dihantar pulang ke Madinah.

Dari beberapa resolusi perjanjian damai di atas jelas menggambarkan bahawa Islam amat menitik beratkan keharmonian dan kemakmuran sekalipun terpaksa mengorbankan hasrat dan kehendak kaum muslimin. Malah terdapat beberapa hikmah yang tersirat disebalik perjanjian tersebut yang tidak mampu dijangkau oleh akal manusia. Malah menurut al-Zuhri sebagaimana yang diriwayatkan oleh Ibn Hisyam daripada Ibn Ishaq, katanya: “Tidak pernah ada

---

<sup>7</sup> Said Ramadan al-Buti, *Fiqh al-Sirah* 2, h. 315.

pembukaan (kemenangan) yang lebih besar sebelum perjanjian Hudaibiyah ini. Yang ada sebelum itu hanya peperangan, tetapi dengan termeterinya perjanjian sementara ini, peperangan dihentikan dan amanlah manusia dari peperangan. Malah antara kaum Muslimin dan bukan Muslim, mereka boleh saling bertemu antara satu sama lain dan berbicara tentang Islam sehingga bilangan yang memeluk Islam semakin bertambah berkali ganda dalam tempoh dua tahun selepas perjanjian Hudaibiyah dan pembukaan Kota Mekah. Maka benarlah firman Allah SWT yang turun sebaik sahaja selesainya perjanjian Hudaibiyah, iaitu firman Allah SWT yang bermaksud:<sup>8</sup>

*“Sesungguhnya Allah akan membuktikan kepada Rasul-Nya, tentang kebenaran mimpinya dengan Sebenarnya (yaitu) bahwa Sesungguhnya kamu pasti akan memasuki Masjidil Haram, insya Allah dalam keadaan aman, dengan mencukur rambut kepala dan mengguntingnya, sedang kamu tidak merasa takut. Maka Allah mengetahui apa yang tiada kamu ketahui dan dia memberikan sebelum itu kemenangan yang dekat”*

(Surah al-Fath:27)

Melalui ayat ini, jelas bahawa Allah SWT menginginkan Nabi Muhammad SAW memasuki Kota Makkah dalam keadaan aman tanpa berlaku sebarang pertempuran dan peperangan selain dari dapat melaksanakan ibadah dengan sempurna dan selesa.

### 3. Fath Makkah

*Fath Makkah* atau pembukaan Kota Mekah berlaku pada bulan Ramadan tahun kelapan Hijrah setelah Perjanjian Hudaibiyah dikhianati oleh Quraisy Mekah dengan memberi bantuan dan sokongan kepada Banu Bakr yang merupakan sekutu mereka untuk memerang Bani Khuza'ah yang merupakan sekutu kaum Muslimin. Maka Rasulullah SAW bertekad untuk membantu Bani Khuza'ah yang menjadi sekutu kaum Muslimin sebagaimana dalam perjanjian Hudaibiyah dengan membuat persiapan rapi untuk memerangi Quraisy Mekah. Hasrat dan persiapan Rasulullah SAW itu diketahui oleh Quraisy Mekah sehingga menggerunkan mereka. Maka tidak hairanlah apabila mereka cuba menghantar Abu Sufiyan untuk berunding tetapi ditolak dengan tegas oleh Rasulullah SAW sehingga memaksa Abu Sufiyan memeluk Islam. Sepulangnya Abu Sufiyan ke Mekah, beliau menyeru kaumnya: “Wahai orang-orang Quraisy! Muhammad telah datang dengan bala tenteranya yang kamu tidak akan mampu menentangnya. Barangsiapa yang masuk rumah Abu Sufiyan, maka dia akan selamat”<sup>9</sup>

Sesungguhnya Rasulullah SAW dan para sahabat dapat memasuki Kota Mekah dengan selamat tanpa ada sebarang pertempuran. Walaupun ada segelintir sahabat yang bertekad untuk memerangi Quraisy sebagai membalas dendam lama yang dilakukan oleh mereka terhadap Rasulullah SAW dan kaum Muhajirin. Namun Rasulullah SAW mengatakan bahawa hari ini adalah hari berkasih sayang, hari ini hari dimuliakan Ka'bah oleh Allah SWT. Kemudian Baginda SAW berkata: “Wahai orang-orang Quraisy ! Apakah kamu jangka tentang tindakan aku terhadap kamu? Maka mereka menjawab: “Kebaikan. Kamu adalah saudara yang mulia dan anak saudara yang mulia. Lalu Baginda SAW menjawab: “Kamu semua boleh pergi dan kamu semua bebas”. Berikutan peristiwa itu, maka penduduk Mekah berbondong-bondong

<sup>8</sup> Ibn Hisyam, *al-Sirah al-Nabawiyah*. Dimsayq (Muassasah Ulum al-Quran, t.t), Bah. 2, h. 322. Lihat juga Al-Sayyid al-Wakil, *Ta'mmulat Fi Siarh al-Rasul SAW*. Jeddah (Dar al-Mujtama' li al-Nasyr wa al-Tawzi', 1987) h. 235. Al-Buti, *Fiqh Sirah 3*, terj. Mohd Darus Sanawi, (2001), h. 503.

<sup>9</sup> Ibn Hisyam, *al-Sirah al-Nabawiyah*, Bah. 2, h. 389. Al-Buti, *Fiqh al-Sirah*, hal. 356-359. Lihat juga al-Buti *Fiqh Sirah 3*, terj. Mohd Darus Sanawi, h. 561.

memeluk agama Islam. Kemudian Rasulullah SAW mengiklankan di hadapan kaum Quraisy dan manusia-manusia lain di Mekah mengenai masyarakat baru dan syiar yang jelas dalam firman Allah SWT yang bermaksud:<sup>10</sup>

*“Wahai umat Manusia ! Sesungguhnya Kami mencipta kamu daripada lelaki dan wanita dan Kami jadikan kamu berbasai bangsa dan bersuku puak, supaya kamu berkenal-kenalan (antara satu sama alin). Sesungguhnya semulia kamu adalah yang paling bertaqwa daripada kamu”*

(Surah al-Hujurat : 13)

Dari peristiwa pembukaan Kota Mekah ini terdapat beberapa hikmah yang signifikan dengan agama Islam sebagai agama penyebar kemakmuran dan penyumbang kepada keharmonian negara tanpa mengambil kira hubungan ras, kaum, bangsa, agama dan budaya. Sesungguhnya dengan peristiwa ini juga maka berkuburlah tradisi dan saki baki fahaman jahiliah seperti berbangga dengan datuk nenek mereka, bermegah-megah dengan bangsa dan suku kaum, sombong dan angkuh dengan perbezaan rupa dan warna kulit serta dengan Bahasa dan keturunan sehingga mereka sanggup berperang dengan menggadaikan keharmonian dan keamanan demi mempertahankan keturunan dan bangsa. Sebenarnya manusia seluruhnya adalah dari Adam dan Adam dari tanah.

## PENUTUP

Daripada kajian yang berasaskan persampelan ini jelas membuktikan bahawa Islam adalah satu agama keadilan dan keamanan yang senantiasa menyeru kepada keharmonian dan kemakmuran sejagat tanpa memandang kepada bangsa, agama dan warna kulit. Ia terbukti bukan sahaja melalui teori yang termaktub di dalam dokumen-dokumen sejarah, tetapi terbukti melalui realiti kehidupan umat manusia bermula dari tertegaknya negara Islam pertama di Madinah. Tiga peristiwa besar dalam Islam membuktikan perkara tersebut, di mana dengan kebijaksanaan nubuwah Rasulullah SAW yang berpandukan wahyu ilahi, maka bukan sahaja dapat mengelak dari peperangan yang hamper tercetus, tetapi juga seluruh masyarakat Mekah dan Madinah dapat mengecapi keamanan, kemakmuran dan keharmonian hidup tanpa mengira bangsa, agama dan budaya. Dari sini, jelas bahawa hak asasi kelompok non muslim terjamin dalam Islam atas dasar persamaan hak dan kebertanggungjawapan secara kolektif bersama orang Islam sekaligus dapat menjamin keharmonian hubungan dengan orang-orang Islam.

---

<sup>10</sup> Al-Buti, *Fiqh al-Sirah*, h. 361. Lihat juga al-Buti, *Fiqh Sirah 3*, terj. Mohd Darus Sanawi, h. 564.



## BIBLIOGRAFI

- Amani Salih dan Abdul Khabir Ata Mahrus. *al- 'Alaqah al-Dauliyyah: al-Bu'd al-Dini wal Hadari*. Beirut: Dar al-Fikr, 2008.
- Ahmad bin Hanbal. *Musnad Ahmad*. Kaherah: Dar al-Hadith, t.t.
- Al-Buti, Said Ramadan. *Fiqh al-Sirah*. Beirut: Dar al-Fikr, 1990.
- Al-Buti, Said Ramadan. *Fiqh Sirah 2*, Terj. Mohd Darus Sanawi. Selangor Darul Ehsan: Dewan Pustaka Fajar, 2000.
- Al-Buti, Said Ramadan. *Fiqh Sirah 3*. Terj. Mohd Darus Sanawi. Selangor Darul Ehsan: Dewan Pustaka Fajar, 2001.
- Al-Dailami. *Kitab Firdaus al-Akhbar*. Kaherah: Dar al-Rayyan li al-Turath, 1988.
- Al-Sayyid al-Wakil. *Ta'mmulat fi Sirah al-Rasul SAW*. Jeddah: Dar al-Mujtama' li al-Nasyr wa Tawzi', 1987.
- Ibn Hisyam. *al-Sirah al-Nabawiyyah*. Dimasyq: Muassasah Ulum al-Quran, t.t.